

Headline	Tinggal perniagaan pakaian, ceburi bidang tanaman pokok hiasan		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	08 Nov 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	16	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	336 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,354
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,061



Tinggal perniagaan pakaian, ceburi bidang tanaman pokok hiasan

Meskipun tidak mempunyai pengalaman dalam bidang pertanian dan penanaman pokok hiasan, seorang ibu tunggal dari Permas Jaya, di sini, nekad memulakan perniagaan dalam bidang berkenaan kerana minat.

Pengusaha orkid, Nor Azizah Rasip, 28, berkata, dia memang minati penanaman pokok sejak kecil dan sanggup beralih dari perniagaan pakaian dengan membuka tapak semaian pokok dan penjualan baja.

Menurutnya, banyak modal digunakan untuk memulakan semula perniagaan dalam bidang baharu namun baginya ia amat berbaloi kerana dapat memenuhi minatnya.

"Dari kecil saya memang minat menanam pokok tidak kiralah sama ada sayuran, buah atau bunga. Tetapi bukan senang mahu bertukar perniagaan kerana semasa mula menceburi bidang tanaman ini saya tidak

mempunyai latar belakang atau pengetahuan dalam bidang ini.

"Sepanjang tempoh tiga tahun ini saya berniaga sambil belajar, saya juga pergi ke merata tempat untuk belajar dengan mereka yang mahir dengan pokok orkid ini. Jika ada mana-mana pihak mempunyai pokok orkid pelbagai jenis pasti saya akan ke sana untuk melihat dan mempelajari sesuatu mengenai orkid," katanya ketika ditemui pada pameran Hari Terbuka Jabatan Pertanian Johor, di sini, baru-baru ini.

Nor Azizah berkata, dia turut menyediakan perkhidmatan merawat pokok orkid yang bermasalah serta menghasilkan baja bersesuaian khusus bagi tumbesaran tanaman hiasan itu.

"Alhamdulillah saya juga ada buka klinik orkid yang mana



mereka mempunyai masalah dengan tanaman orkid masing-masing boleh datang untuk saya jaga dan pelihara. Setelah orkid mereka segar, ia boleh diambil

kembali.

"Saya juga mendapat sokongan daripada kawan di Batu Pahat yang membekalkan saya baja orkid iaitu 'baja giler' bagi membantu pembesaran dan menjadikan orkid mereka hidup segar lebih lama," katanya.

Nor Azizah turut membuat pameran dan jualan dalam program kelolaan Jabatan Pertanian dan Fama.

Katanya, dia juga kerap mengikuti pameran dan mengadakan jualan di bawah kelolaan Jabatan Pertanian,

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) serta pameran swasta di seluruh negara.

"Apa yang saya tahu mengenai orkid adalah hasil pembelajaran saya dengan penanam orkid sama ada di ladang, nurseri atau individu," katanya.

